

**KARYA J.J. DE HOLLANDER (1856)**  
**DAN**  
**KAJIAN KATA KERJA BEPERSONA DALAM BAHASA MELAYU**

*(J.J. DE HOLLANDER'S WORK (1856) AND THE STUDY OF THE CONJUGATED VERB OF MALAY)*

*Manavavee Mamah*  
Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti Yala Rajabhat (YRU), Thailand  
&  
*Dr. Sato Hirobumi @ Rahmat*  
Universiti Yala Rajabhat (YRU), Thailand, dan  
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Malaysia

**PENDAHULUAN**

Makna kata kerja bahasa Melayu dapat dikaji dari segi perbandingan pola morfologis, misalnya, (i) *me(N)-* dengan *te(R)-*, (ii) *me(N)-* dengan *be(R)-*, (iii) *me(N)-* dengan *ke-/an*, (iv) *te(R)-* dengan *ke-/an*, dan (v) *be(R)-* dengan *ke-/an*. Semua kata terbitan ini diterbitkan dari kata dasar yang sama. Perbandingan pola (i) telah penulis bentangkan dalam karya Sato (2006c), berdasarkan idea Winstedt (1913, 1927) yang telah dikarang hampir 100 tahun yang lalu. Karya Winstedt dari negara Inggeris ini rupa-rupanya hampir tidak diperhatikan lagi pada zaman sekarang, malahan sarjana muda sayangnya tidak tahu nama sarjana ini dan juga kewujudan karyanya yang penuh dengan hasil penelitian yang tidak terjangkau oleh sarjana muda zaman sekarang.

Pandangan yang terbentang dalam karya-karya ilmiah zaman dahulu belum tentu ketinggalan zaman, malahan dapat dikatakan masih mempunyai nilai ilmu yang tinggi. Sebaliknya budaya *copy-paste* berleluasa di rantau ini pada zaman sekarang sehingga terdapat pensyarah universiti yang tidak segan-segan meniplak karya mahasiswanya.

Kertas kerja ini memperkenalkan satu lagi pola morfologis kata kerja yang dinamakan oleh segelintir sarjana "bentuk bepersona" (Bel. *vervoegde vormen*; Ing. *verbal forms*) yang bergabung dengan kata kerja bantu atau kata kerja bantu semu. Kajian ragam kerja ini memperhatikan perbandingan pola morfologis (vi) *me(N)-* dengan bentuk bepersona yang juga pada umumnya dinamakan "bentuk pasif" kata kerja dalam tatabahasa yang diajarkan di sekolah, dan juga secara kritis memperkenalkan sebuah kajian oleh J.J. de Hollander (1856, 1882) yang telah buat pertama kalinya mendedahkan keganjilan makna ragam kerja bahasa Melayu, iaitu kata kerja "pasif" membawa makna "aktif" dalam sesuatu lingkungan ayat yang tertentu.

Kajian ini bertujuan untuk menyentuh sejarah kajian tatabahasa ini secara ringkas supaya para pembaca, terutama guru bahasa Melayu, dapat mendekati masalah ragam kerja yang tidak dipersoalkan dalam pendidikan sekolah ini dan juga menyedari usaha sarjana-sarjana selepas zaman Hollander yang bergiat pada abad ke-19.

**LATAR BELAKANG KAJIAN**

Sebuah lagi karya zaman dahulu yang wajib diteliti ialah karya J. Gonda (1943) yang

dihuraikan dalam Sato (2007). Karya Gonda dari negara Belanda ini juga hampir-hampir tidak diketahui oleh sarjana zaman sekarang. Karya ini menyampaikan secara ringkas informasi tentang apa yang dinamakan bentuk pasif kata kerja bahasa Melayu yang bergabung dengan kata yang dinamakan oleh beliau "kata predikat bantu" (*hulppraedicaatswoorden*), berdasarkan kajian-kajian yang diterbitkan sejak abad ke-19 di Eropah, khususnya di Belanda.

Beliau juga memperhatikan fenomena kata kerja pasif bahasa Melayu yang membawa makna "aktif" dalam sesuatu lingkungan ayat yang tertentu. Akan tetapi, beliau tidak menyebut kajian Hollander (1856, 1882) yang tersebut yang buat pertama kalinya mendedahkan keganjilan tatabahasa bahasa Melayu yang tidak terdapat dalam bahasa Eropah.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kata kerja berawalan *me(N)*- selalu dibandingkan dengan bentuk kata kerja yang secara tradisional dinamakan bentuk pasif dalam tatabahasa yang diajarkan di sekolah di rantau Melayu. Ternyata keganjilan tatabahasa yang tersebut, iaitu kata kerja "pasif" membawa makna "aktif" dalam sesuatu lingkungan ayat yang tertentu, tidak disedari oleh guru bahasa sendiri. Ditambah lagi, ramai sarjana bahasa Melayu yang tahu bahasa Inggeris saja dalam bahasa Eropah tidak akan dapat menatapi fakta ragam kerja aktif dan pasif. Bentuk kata kerja bepersona dalam bahasa Melayu bukan saja fenomena morfologis tetapi perlu diteliti dari segi sintaksis juga.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menyentuh secara ringkas sejarah kajian keganjilan tatabahasa bahasa Melayu berhubung dengan masalah ragam kerja. **Pertama-tama**, kami akan mencontohkan beberapa pola ayat kerja yang berbentuk ayat tunggal dan ayat kompleks untuk membangkitkan keganjilan makna ayat walaupun kesemua ayat yang berkenaan disusun dengan betul mengikut tatabahasa bahasa Melayu. **Pada tahap yang kedua**, pengertian bentuk kata kerja pasif yang dikemukakan oleh Hollander (1856) akan diperkenalkan secara ringkas. **Pada tahap yang ketiga**, keganjilan makna kata kerja pasif yang diterokai oleh Hollander itu diperkenalkan sebagai asas perbincangan makna ragam kerja. **Pada tahap yang terakhir**, diberikan satu hala tuju kajian ragam kerja untuk masa depan. Contoh yang digunakan dalam kertas ini merupakan ayat yang terdapat dalam bahan bercetak seperti novel dan surat khabar. Kami memohon maaf terlebih dahulu kerana ayat yang dicontohkan tidak diberi catatan sumbernya. Hal ini akan diperbaiki pada kajian yang akan datang.

### **ANALISIS (I): Pola Ayat Kerja**

Bahagian ini menyenaraikan ayat yang memperlihatkan keganjilan makna ayat walaupun disusun dengan betul mengikut tatabahasa bahasa Melayu. Pembaca hendaklah memperhatikan jenis ragam kerja aktif atau pasif seperti yang diajarkan dalam arena pendidikan sekolah pada zaman sekarang. Juga ayat yang disenaraikan di sini dapat dianggap

sempurna dari segi tatabahasa, terutama sintaksis, tetapi ayat yang sempurna ini masih dapat dilengkapi dengan sesuatu unsur yang diandaikan telah digugurkan secara teoretis.

**Pola 1:**

[1a] Lima penumpang sebuah bas ekspres cedera apabila seorang lelaki, dipercayai pesakit jiwa, mengamuk lalu menyerang mereka (...). Lelaki mengamuk itu yang berusia 37 tahun berjaya diberkas oleh polis pada pukul 12.30 tengah hari ini (...).

[1b] (...) lelaki mengamuk itu cuba dihalang oleh seorang penumpang.

**Pola 2:**

[2a] Baba itu menggosok dadanya kembali dan kemudian  $\emptyset$  **mengambil** piring dari tumpukan piring di atas meja,  $\emptyset$  **digosok-nya** dengan kain itu juga.

[2b] Terbit nafsunya hendak **menghampiri** isterinya,  $\emptyset$  **hendak dicium-nya** (= Kartono) seperti dahulu.

[2c] Korea Utara tahan kapal pengintip USS Pueblo. Selepas 11 bulan, kesemua 83 kru dibebaskan. Menurut Pyongyang, kapal itu mencabului wilayah maritim tetapi  $\emptyset$  **dinafikan AS**.

**Pola 3:**

[3a] Gadis Pantai turun dari ranjang. Diperiksa-nya seluruh lemari dan laci, **dikunci-nya** yang belum terkunci,  $\emptyset$  **meninggalkan** kamar menuju ke kebun belakang.

[3b] Kata "suami saya" itu **ditekan-nya** (= Tini), seolah-olah  $\emptyset$  **hendak mengatakan** yang hendak engkau singgung ini perkara kami sendiri.

[3c] "Sedih juga apabila dapat tahu empat rakan sekelas dulu sudah meninggal dunia. Tapi, dapat bertemu separuh daripada mereka pun sudah cukup menggembirakan saya," **kata-nya yang berterima kasih** kepada Mastura kerana berusaha merealisasikan permintaannya.

**Pola 4:**

[4a] Bunyi gesekan gergaji besi itu begitu mengilukan. Dan gesekan halus itu **memancarkan** bunga-bunga api berwarna merah dan kuning;  $\emptyset$  **memercik** tajam-tajam, lalu  $\emptyset$  **hilang** sebelum  $\emptyset$  sempat **jatuh** ke tanah.

[4b] Ramli sudah beberapa kali **menanam** anak-anak kelapa di tempat itu sebagai ganti, tetapi  $\emptyset$  tidak pernah **hidup**.

[4c] Dia terus **melilitkan** dawai, dan kini  $\emptyset$  sudah hampir sehasta panjangnya.

**Pola 5:**

[5a] Bagaimana **memaku** sepatu itu supaya  $\emptyset$  tidak **mengenai** kaki?

**Pola 6:**

[6a] *la* (= *tukang pos*) **membuka** tas surat-surat kiriman pos lalu **diambil-nya** sehelai surat dan sebuah buku.

[6b] Gadis Pantai **memiringkan** badan, **dipeluk-nya** bayinya dan **dicium-nya** rambutnya.

Kesemua ayat ini dipetik dari surat khabar dan novel bahasa Melayu moden yang diterbitkan dalam abad ke-20 dan ke-21, dan kami anggap ayat-ayat ini betul dan sama sekali tidak salah dari segi tatabahasa bahasa Melayu. Namun, sesetengah sarjana bahasa Melayu dari Indonesia dan Malaysia menyalahkan tatabahasa yang terungkap dalam ayat-ayat ini. Masalah kajian ragam kerja bermula dari pernyataan sesetengah sarja ini.

### **ANALISIS (II): Kajian Ragam Kerja dan J.J. de Hollander (1856, 1882)**

Bahasa Melayu mulai dikaji dengan teliti, terutama sejak abad ke-18. Karya Werndlij (1736) yang kemudian disunting oleh Angelbeek pada tahun 1823 dan karya Marsden (1812) yang diterjemahkan oleh Elout ke dalam bahasa Belanda dan bahasa Perancis pada tahun 1826, misalnya, memainkan peranan untuk memperkenalkan bahasa Melayu kepada dunia Eropah pada zaman konsep bahasa Melayu “standard” masih belum dibangkitkan dalam masyarakat. Dalam hal ini, karya Hollander (1856) dapat dikatakan merupakan karya ilmiah yang pertama yang mengkaji bahasa Melayu secara mendalam dari segi pendidikan.

Hollander (1856:78-85; 1882:90-106) melihat ragam kerja bahasa Melayu dari dua sudut, iaitu bentuk “aktif” dan bentuk “pasif”. Bentuk kata kerja berawalan *me(N)*- dinamakan ragam kerja aktif, manakala bentuk berawalan *di-* dan bentuk bepersona pula dinamakan ragam kerja pasif. Bentuk berawalan *te(R)*- dan berapitan *ke-/-an* juga diberi nama bentuk ragam kerja pasif. Ragam kerja “medium” yang akan diberikan oleh Tendeloo (1895; 1901) kepada bentuk kata kerja berawalan *be(R)*- atau berapitan *be(R)*-/*-an* belum tentu saja belum digolongkan oleh Hollander sebagai salah satu ragam kerja bahasa Melayu.

Bentuk kata kerja yang akan diperhatikan di sini ialah bentuk berawalan *di-* dan bentuk bepersona yang dinamakan ragam kerja pasif. Huraian Hollander diringkaskan seperti yang di bawah:

Hollander membahagikan ragam kerja Pasif BM kepada dua pola, iaitu (i) pasif jati dan (ii) pasif berpelaku.	
<b>Pasif Jati:</b>	
(a) <i>di-</i> + (pokok verbal)	
(b) <i>di-</i> + (pokok verbal) + oleh <i>agen</i>	
<b>Pasif Berpelaku:</b>	
(c) <i>ku-</i> + (pokok verbal)	@ agen diri ke-1.
(d) <i>kau-</i> + (pokok verbal)	@ agen diri ke-2.
(e) <i>di-</i> + (pokok verbal) + <i>-nya</i>	@ agen diri ke-3.

**Jadual 1**

Hollander membezakan bentuk pasif ini kepada dua nama, iaitu bentuk pasif jati (*zuiver passief*) dan bentuk pasif berpelaku (*subjectief passief*). Istilah bahasa Belanda *subjectief* ada kalanya dibezakan dari istilah *onderwerp* (subjek sintaksis), dan ada kalanya disamakan dengan istilah *onderwerp* (agen semantik) itu dalam karya Hollander. Hal ini menyukarkan pemahaman keseluruhan karya ini. Kami mengambil pengertian *subjectief* (agentif), iaitu “berpelaku”, dalam penghuraian istilah ragam kerja pasif yang diberikan Hollander di sini (*lihat* jadual 1).

<b>Konjugasi Kata Kerja Bantu (dalam Modus Direktif)</b>			
<b>Bahasa</b>	Inggeris	Belanda	Jerman
<b>Bentuk Infinitif</b>	<i>be</i>	<i>zijn</i>	<i>sein</i>
<b>Bilangan Tunggal</b>	<b>Kala kini / Kala lampau</b>	<b>Kala kini / Kala lampau</b>	<b>Kala kini / Kala lampau</b>
<b>Diri ke-1</b>	<i>am / was</i>	<i>ben / was</i>	<i>bin / war</i>
<b>Diri ke-2</b>	<i>are / were</i>	<i>bent (is) / was (waart)</i>	<i>bist / warst</i>
<b>Diri ke-3</b>	<i>is / was</i>	<i>is / was</i>	<i>ist / war</i>
<b>Bilangan Jamak</b>	<b>Kala kini / Kala lampau</b>	<b>Kala kini / Kala lampau</b>	<b>Kala kini / Kala lampau</b>
<b>Diri ke-1</b>	<i>are / were</i>	<i>zijn / waren</i>	<i>sind / waren</i>
<b>Diri ke-2</b>	<i>are / were</i>	<i>zijn (bent) / was (waren)</i>	<i>seid / wart</i>
<b>Diri ke-3</b>	<i>are / were</i>	<i>zijn / waren</i>	<i>sind / waren</i>

**Jadual 2**

Hollander berjaya menamakan bentuk kata kerja bahasa Melayu itu ragam kerja pasif di satu pihak. Maksudnya, beliau membezakan ciri morfologis kata kerja pasif bahasa Melayu dari bentuk kata kerja pasif bahasa Eropah moden yang tidak mempunyai bentuk kata kerja pasif berpelaku atau bepersona. Perbezaan “jati” dan “semu” itu didasarkan pada pandangan bahasa Eropah yang demikian. Penamaan ini diturunkan hingga kepada karya Asmah (1982:89).

Namun, pada pihak lain beliau gagal membezakan sifat kata kerja bahasa Melayu dari bahasa Eropah, dari segi sintaksis-morfologis. Maksudnya, FN subjek sintaksis yang berperanan sebagai penderita (*patient*) dalam bahasa Eropah mempengaruhi bentuk morfologis kata kerja bantu yang berkombinasi dengan kata kerja pasif (utama), tetapi hal yang demikian tidak pernah berlaku dalam bahasa Melayu sejak zaman klasik hingga zaman moden (*lihat* jadual 2).

Hal ini tidak disedari oleh Hollander dalam penghuraian bentuk morfologis kata kerja bahasa Melayu yang dinamakannya “pasif berpelaku” dan “pasif semu”. Fenomena yang berlaku antara FN subjek nahuan (yang berperanan sebagai penderita) dengan kata kerja utama atau bantu dinamakan keserasian nahuan (*grammatical agreement*). Perubahan sistem

ini berlaku secara besar-besaran dalam sejarah perkembangan bahasa Eropah dari zaman kuno hingga zaman moden.

Contoh-contoh yang berikut menunjukkan bahasa Belanda memperlihatkan keserasian nahuan antara FN subjek nahuan (yang berperanan sebagai penderita) dan kata kerja bantu infinitif *zijn* dan *worden* yang berkombinasi dengan kata kerja pasif. Paradigma infinitif *zijn* diberi dalam jadual 2, dan kata kerja bantu *worden* pula dapat diringkaskan seperti infinitif *worden* > (sg) *word/wordt/wordt*, (pl) *worden/worden/worden*; (sg) *werd/werd/werd*, (pl) *werden/werden/werden*.

[7] Kata *ik* sebagai kata ganti nama diri jati pertama tunggal:

“*Waarom **ben ik** niet wakker **gemaakt**? Laat het dorpshoofd hierheen komen!*”  
(= Mengapa aku tak **dibangunkan**? Suruh ke sini kepala kampung itu!)

[8] Kata *mBok* sebagai kata ganti nama diri semu kedua tunggal:

“*Werd mBok dan in de kampong **geslagen**?”. “*Geslagen? Nee, echt **geslagen werd ik** niet. ...*”,  
(= “mBok **dipukuli** di kampong?”. “Dipukuli? **Dipukuli** benar memang tidak. ...”,*

[9] Kata *zij* sebagai kata ganti nama diri jati ketiga tunggal:

*De avond tevoren **was zij** in de echt **verbonden**, in de echt **verbonden** met een kris.*  
(= Kelmarin malam ia telah **dinikahkan**. **Dinikahkan** dengan sebilah keris)

Sebaliknya, terjemahan bahasa Melayu menggunakan bentuk *di-* sahaja dalam semua contoh ini. Bentuk *di-* dalam ayat [7] – [9] ini tidak semestinya bermakna semuanya diertikan sebagai penanda pelaku diri ketiga sahaja. Oleh hal yang demikian, jika pelaku (*agent*) -nya ditukar, bentuk kata kerja dapat muncul seperti dalam bentuk diri pertama *ku-bangunkan* / *kami bangunkan*, bentuk diri kedua *kau-bangunkan* / *kamu bangunkan*, dan bentuk diri ketiga *dibangunkan-nya* / *dibangunkan mereka*. Maksudnya, unsur penderita sama sekali tidak berpengaruh dalam membentuk kata kerja pasif bahasa Melayu, dan unsur yang menentukan bentuk kata kerja ialah agen yang “beraneksi” dengan “pokok verbal” (istilah Mees, 1969).

### **ANALISIS (III): Keganjilan Ragam Kerja Pasif**

Rupa-rupanya bukanlah kami orang yang pertama yang menyedari ketiadaan fonemone keserasian nahuan dalam sejarah kajian ragam kerja bahasa Melayu. Ketiadaan fenomena sintaksis-morfologis yang tersebut ternyata sudah disebut oleh Mees (1938:118-119). Kami baru sedar terdapat beberapa karya Fokker, seorang sarjana dari Belanda yang menekankan hal ini sejak akhir abad ke-19, jauh sebelum Mees yang tersebut.

Jika melihat istilah saja, nama pasif itu muncul dalam banyak buku tatabahasa yang ditulis dalam bahasa Melayu sejak tahun 1960-an. Sebelum zaman ini, Sasrasoegonda (Indonesia) dan Za’aba (Malaysia) juga memperkenalkan fenomena kata kerja itu dengan istilah lain pada setengah abad pertama abad ke-20. Namun, keganjilan kata kerja pasif yang membawa

makna aktif tidak pernah disebut dalam mana-mana karya, kecuali karya Armijn Pane (1950).

Hollander (1856, 1882) membangkitkan soal ini buat pertama kalinya pada abad ke-19, dan kajian masalah ini diteruskan secara serius oleh sarjana-sarjana Belanda hingga pertengahan abad ke-20. Akan tetapi, hal ini sudah tidak diketahui atau tidak disadari lagi oleh banyak sarjana bahasa Melayu pada zaman sekarang. Berikut adalah terjemahan keterangan Hollander, dengan menukarkan ejaan lama bahasa Melayu kepada ejaan moden:

Apabila predikat yang terbentuk dari sebuah kata yang bermakna “kemahuan” (*willen*), “niat” (*voornemens zijn*) (atau sebuah kata yang mengandungi sesuatu “niat” [*een voorneemen*]) dengan sebuah lagi kata kerja, maka kata kerja ini disusun dalam bentuk aktif: misalnya [a] **tiada mahu** aku **menurut** katamu (*ik wil uwe woorden niet opvolgen*); [b] hamba **hendak mengiringkan** duli yang dipertuan barang ke mana (*ik wil zijne Majesteit overal heen volgen*); [c] ia **pergi mencari** unta itu (*hij ging die kameelen zoeken*).

Akan tetapi, apabila predikat terbentuk dari sebuah kata yang bermakna “kemahuan” (*willen*), “kehendak” (*begeeren*), atau “niat” (*voornemens zijn*) dengan sebuah kata kerja sebutan yang bertindak dalam bentuk ungkapan yang berpusatkan penderita, maka kata kerja sebutan saja yang disusun dalam bentuk pasif tetapi kata yang bermakna “kemahuan” itu bertindak dalam bentuk aktif. Hal ini bermakna bahawa “kemahuan” atau “kehendak” itu bukanlah kemahuan penderita yang merupakan subjek ayat tetapi mengungkakan kemahuan pelaku: misalnya, [d] **maka diceriterakan oleh Mohammed Tahir akan hal ehwalnya ia hendak dibunuh oleh baginda** (= *en Mohammed Tahir verhaalde de toedracht der zaak hoe de vorst hem wilde dooden, [hetgeen letterlijk schijnt te beteeknen: hoe hij wilde gedood worden door den vorst]*); [e] **tatkala hendaklah dilepaskan-nyalah akan dia** (= *toen hij dezen wilde loslaten, of toen deze door hem zoude losgelaten worden [niet toen deze door hem wilde losgelaten worden]*); [f] **demi didengar dan dilihat Sultan Syabur maka ia hendak dibunuh orang** (= *toen Sultan Syabur hoorde en zag dat men hem wilde dooden of dat hij door de menschen zoude [niet wilde] gedood worden*); [g] **Kesukaran tuanhamba yang tiada mahu dikatakan kepada hamba** (= *uw kommer, dien gij mij niet wilt zeggen [niet uw kommer, die niet wil gezegd worden]*); [h] **adapun yang qasad Wana Seri Bina hendak diambil-nya akan suami** (= *en het plan van (de vorstin) Wana Seri Bina was dat zij hem tot man wilde nemen of dat hij door haar tot man zoude genomen worden [niet: dat hij wilde door haar tot man genomen worden]*); [i] **harganya hendak dibiayakan-nya** (= *de opbrengst er van wil hij voor levensmiddelen besteden [niet: wil besteed worden maar door hem wordt gewild]*).

(Hollander, 1882:271-272)

Hollander dalam petikan yang tersebut bersusah payah untuk menerangkan makna aktif yang terkandung dalam kata kerja pasif. Dalam hal ini juga perlu diberikan perhatian pada catatan beliau yang tersebut di atas: “maka kata kerja sebutan saja yang disusun dalam bentuk pasif tetapi kata yang bermakna ‘kemahuan’ itu bertindak dalam bentuk aktif. Hal ini bermakna bahawa ‘kemahuan’ atau ‘kehendak’ itu bukanlah kemahuan penderita yang merupakan subjek ayat tetapi mengungkakan kemahuan pelaku”.

Keganjilan ragam kerja pasif seperti yang diperhatikan Hollander sama sekali tidak terdapat dalam bahasa Eropah. Di sini kita perlu berfikir dan menilai istilah “pasif” sekali lagi kerana istilah ini digunakan dalam arena pendidikan bahasa Melayu hingga abad ke-21 sekarang. Pola ayat [1] – [6] yang telah disediakan di awal kertas ini memberikan satu contoh untuk masalah ragam kerja.

#### **ANALISIS (IV): Hala Tuju Kajian Ragam Kerja untuk Masa Depan**

Ophuijsen (1915), Spat (1920) dan Mees (1969), mislanya, mengemukakan satu idea berhubung dengan masalah ragam kerja, tetapi kajian-kajian ini hampir tidak diperhatikan atau tidak disedari kewujudannya oleh sarjana bahasa Melayu sejak lehih kurang tahun 1980-an. Masalah kesukaran bahasa Belanda yang digunakan oleh sarjana zaman dahulu tidak boleh dijadikan alasan bagi sarjana zaman sekarang. Juga perlu dimaklumkan bahawa Fokker, seorang sarjana bahasa Melayu dari Belanda menghasilkan beberapa karya yang membincangkan ragam kerja yang dibincangkan secara ringkas dalam kertas ini.

Kertas kerja ini menumpukan perhatian pada ragam kerja yang dinamakan “pasif” sahaja. Kita perlu berhenti sebentar untuk memawas diri kerana kajian awalan *me(N)*- yang berfungsi sebagai penanda ragam kerja aktif sebenarnya tidak diperdalam dalam pendidikan bahasa Melayu. Adakah istilah “aktif” juga tepat bagi bahasa Melayu? Pengertian ragam kerja aktif juga perlu diteliti bukan saja dari morfologi tetapi juga dari segi sintaksis, terutama dalam ayat songsang. Kita terlalu terpicat dengan kajian semantik makna awalan *me(N)*- selama ini.

#### **PENUTUP**

Pola ayat [1] – [6] yang dicontohkan dalam kertas ini sebenarnya sudah diperkenalkan secara tidak sistematik dalam karya-karya seperti Hollander (1856, 1882), Winstedt (1913), dan Spat (1920) dalam bahasa asing. Gonda (1943) mengkaji pola ayat [1] secara ilmiah. Karya yang memperkenalkan pola ayat [1] buat pertama kalinya dalam bahasa Melayu ialah Mees (1969). Hanya kajian ilmiah seperti Bambang (1984) yang menyusuli karya-karya yang tersebut jarang dikenal sejak tahun 1980-an hingga abad ke-21 sekarang. Sebaliknya, sesetengah sarjana menyuarakan bahawa pola ayat seperti [1] – [6] adalah salah dari segi tatabahasa bahasa Melayu.

Kriteria salah betul sesebuah ayat sukar ditetapkan dalam tatabahas bahasa ini. Namun, pola ayat yang dibincangkan dalam kertas ini muncul sejak zaman bahasa Melayu klasik hingga zaman sekarang, dan kami berasa berat untuk mencap kesalahan tatabahasa ke atas pola-pola itu. Buku tatabahasa yang diterbitkan setiap tahun, mislanya, di Malaysia tidak pernah menyentuh masalah pola-pola ayat yang berkenaan. Sekarang sudah tiba masanya bagi guru sekolah untuk membuka mata seluas-luasnya bagi menatap fakta bahasa Melayu dan menilai sifat kata kerja bahasa ini dengan sewajarnya.



## BIBLIOGRAFI

- Angelbeek, C. van, (1823) *Maleische Spraakkunst van G.H. Werndlij*, herzien en uitgegeven op last van de Hooge Regering van Nederlandsch Indië. Batavia: Ter Lands Drukkerij.
- Armijn Pane, (1950) *Mentjari Sendi Baru Tata Bahasa Indonesia*. Djakarta: Balai Pustaka.
- Asmah Hj Omar, (1982) *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- Bambang Kaswanti Purwo, (1984) *Deiksis Dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Gonda, J., (1943) "De Zg. Hulppraedicaatswoorden in Maleis en Javaans", in *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* (BKI) 102, pp.95-103. Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde.
- Hasan Alwi, (1992) *Modalitas Dalam Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Penerbit Janisius.
- Hollander, J.J. de., (1856, 1882) *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde*. 2de druk in 1856, 5de druk in 1882. Breda: Koninklijke Akademie voor de Zee- en Landmacht.
- Marsden, William, (1812) *A Dictionary and Grammar of the Malayan Language*. London: Longman.
- Mees, C.A., (1938) *Beknopte Maleise Grammatica*. 3de druk. 's-Gravenhage: N.V.G.T. van Dorp & Co.
- Mees, C.A., (1969) *Tatabahasa dan Tatalimat*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Ophuijsen, Ch.A. van. (1915) *Maleische Spraakkunst*. 2de druk. Leiden: S.C. Van Doesburgh.
- Sato, Hirobumi @ Rahmat, (2000) "Persoalan Konstruksi Pasif dan Ergatif dalam Bahasa Melayu", dlm. *Dewan Bahasa* 44:5, hlm. 546-562. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- , (2002) "Fakta Kebahasaan dan Ragam Kerja", dlm. *Pelita Bahasa* 14:2, hlm. 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- , (2006a) *Kajian Semula Unsur Utama Wajib Dalam Ayat Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.
- , (2006b) "Persoalan Ragam Kerja dan Konstruksi Ergatif Bahasa Melayu", in *Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr Haji Mahmud Saedon Bin Awang Othman DALAM KENANGAN: essays in memory of vice chancellor, UBD, 1999-2002*. pp. 213-231. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- , (2006c) "Gambaran Kesinambungan Makna dalam Awalan *me(N)*- dan *te(R)*-.", dlm. *Jurnal Bahasa* 10, hlm. 1-8. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei DARussalam.
- , (2007) "Kajian Ringkas Karya J. Gonda (1943): apa yang dinamakan 'kata predikat bantu' dalam bahasa Melayu dan bahasa Jawa", dlm. *Jurnal Bahasa* 11, hlm. 22-31. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.
- , (2008) "Ciri-Ciri Konstruksi Ergatif dalam Bahasa Melayu", dlm. *Jurnal Bahasa* 8:1, hlm. 132-159. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- , (2009) "Bentuk Aktif Berpersona dalam Bahasa Melayu", dlm. *Segunung Budi Selautan Kenangan: dedikasi istimewa untuk Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Hj. Omar*. hlm. 254-280. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Spat, C., (1920) *Maleische Taal: overzicht van de grammatical*. 4de, gewijzigde druk. Breda: de Koninklijke Militaire Academie.
- Tendeloo, H.J.E., (1895) *Maleische Verba en Nomian Verbalia*. Leiden: E.J. Brill.
- , (1901) *Maleische Grammatica (I, II)*. Leiden: E.J. Brill.
- Werndlij, George Hendrik, (1736) *Maleische Spraakkunst*. Amsterdam: R. en G. Wetstein.
- Windtedt, R.O., (1913, 1927) *Malay Grammar*. Oxford: the Clarendon Press.
-